

**MALAY**

**SIA**

**PERLU**

UM 16 DEC 1981

**REALIS**

**TIK**

**KUALA LUMPUR, 15 Dis. - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad** berkata, Malaysia perlu realistik dalam hubungannya dengan Singapura dan kerana itu beliau akan memberi tekanan terhadap kerjasama kedua negara dalam lawatannya ke republik itu Khamis ini.

Sambil menegaskan bahawa beliau tidak akan memberi perhatian kepada sejarah yang telah berlalu, Perdana Menteri menarik perhatian bahawa memang terdapat beberapa masalah dua hala yang perlu dibesarkan, antaranya soal hubungan ekonomi, kerjasama pentadbiran dan masalah keselamatan bersama.

Bercakap dalam satu temuramah khas menjelang lawatan itu, beliau menerangkan bahawa masalah-masalah yang dihadapi tidaklah besar dan sebahagian besarnya adalah di peringkat pentadbiran sahaja dan bukan di peringkat politik.

Katanya para pentadbir mempunyai mandat yang terhad, sebab itulah pertemuan politik perlu diadakan untuk menyelesaikannya.

Dari segi keselamatan pula, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata Malaysia dan Singapura mempunyai musuh yang sama kerana ancaman komunis misalnya boleh dilancarkan dari Malaysia dan juga republik itu.

Perdana Menteri telah ditanya mengenai pandangan-pandangannya terhadap Singapura yang ditulis dalam "The Malay Dilemma" dan menjelaskan bahawa apa yang dituliskan itu sudah ketinggalan zaman, tetapi masih boleh digunakan sebagai latar

belakang untuk masa depan hubungan kedua negara.

"Kini terdapat sejarah baru dan latar belakang baru yang perlu diambil kira dalam memupuk hubungan tersebut," tegasnya.

Beliau berkata, pemisahan Singapura dari Malaysia telah pun diterima sebagai satu kenyataan yang tetap.

"Soal Singapura dianggap sebagai negara China atau Malaysia dianggap sebagai negara Melayu sudah tidak timbul lagi.

"Sungguhpun kenangan pahit yang ditinggalkan oleh pemisahan itu belum hilang sama sekali, ia tidaklah serius hingga boleh menjejaskan hubungan Malaysia - Singapura," katanya.

Perdana Menteri yang menjawab berbagai soalan berhubung dengan tulisannya mengenai Singapura menarik perhatian, sesuatu pendirian yang diambil pada sesuatu ketika tertentu tidak semestinya kekal selama-lamanya.

"Yang dulu menjadi kawan kini boleh menjadi lawan dan yang dulu menjadi musuh kini boleh menjadi kawan," tambahnya.

Menjawab satu pertanyaan, Datuk Sri Dr. Mahathir yang pernah menuntut di Singapura selama enam tahun berkata memang masih terdapat sesuatu perasaan orang-orang Malaysia terhadap orang-orang Singapura.

Bagaimanapun, tegasnya, beliau tidak fikir generasi baru Singapura akan memikirkan peristiwa-peristiwa yang membawa perpisahan negara mereka dengan Malaysia.

"Sebagai sebuah negara yang terkemuka adat resam mereka adalah seperti orang-orang bandar.

"Generasi baru Malaysia juga mempunyai perasaan seperti itu dan ini adalah sambungan kepada masalah perkauman yang kita hadapi di sini," jelas beliau.

Perdana Menteri menegaskan kesan emosi dari perpisahan Singapura sudah hilang dan hubungannya dengan Malaysia hendaklah diuruskan sebagai dua buah negara yang berasingan.

Beliau menambah Malaysia perlu realistik dalam hubungannya dengan Singapura dan pemupukan hubungan diplomatik tidak boleh dipengaruhi

oleh sesuatu faktor tertentu sahaja yang mungkin tidak begitu baik.

Katanya, hubungan masa depan kedua buah negara juga tidak boleh terlalu dipengaruhi oleh kenangan pahit masa lalu dan kedua buah negara hendaklah yakin bahawa mereka boleh mengatasi apa juga masalah yang timbul.

Ditanya sama ada Singapura memerlukan Malaysia lebih dari Malaysia memerlukan Singapura, beliau menegaskan bahawa sesiapa saja akan bertindak untuk kepentingan negaranya sendiri.

"Kita juga harus jaga kepentingan kita, dan saya yakin kita boleh jaga kepentingan kita," tegasnya.

Datuk Sri Dr. Mahathir mengingatkan bahawa tidak ada siapa yang akan memberi sesuatu pertolongan kepada orang lain jika pertolongan itu sendiri tidak akan memberi faedah kepadanya.

"Kita tidak harus takut ditipu sepanjang masa. Kita patut mempunyai keyakinan diri untuk mendapatkan sesuatu yang menafaat," katanya.

Ditanya tentang beberapa masalah yang dihadapi oleh para pekerja Malaysia di Singapura, Perdana Menteri berkata: "Kalau dah susah sangat balikkah bekerja di tanahair sendiri, kerja di sini pun banyak."

Sebenarnya tegas beliau Malaysia mampu memberi pekerjaan penuh kepada rakyatnya jika para pekerja tidak terlalu memilih.

"Yang menjadi masalah ialah mereka terlalu memilih, kerja berat tak boleh, dihantar ke pedalaman tak boleh dan macam-macam lagi alasan," jelasnya.

Pada keseluruhannya Perdana Menteri berharap hubungan Singapura - Malaysia akan bertambah baik.